

# Unimas tersenarai universiti terbaik Asia

.....  
**ZAPHNE PHILIP**  
 (PELATIH UNIMAS)

KOTA SAMARAHAN, Sabtu - Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS (MAGU) yang julung kali diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman (DeTAR) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) hari ini bukan sahaja untuk meraikan staf yang menunjukkan prestasi cemerlang malah pada masa sama ia melancarkan "coffe table book" yang berjudul "A Plethora of Success".

Naib Canselor Unimas, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid berkata tujuan melancarkan buku tersebut untuk mempamerkan kemajuan serta pencapaian Unimas dengan mengumpulkan gambar-gambar bersejarah dan bermakna dalam satu buku sebagai kenangan.

"Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Prof Dr Peter Songan dan kumpulan kerja yang telah menerbitkan buku sempena Ulang tahun ke-20 Unimas akan datang," katanya sambil menambah supaya ulang tahun tersebut diadakan secara sederhana dan diadakan program yang berbentuk ilmiah untuk menonjolkan hasil kesar-

janaan, aktiviti pelajar dan khidmat masyarakat.

"Jika diizinkan, kita anjurkan satu majlis kemuncak sambutan ulang tahun ke-20 ini dalam bentuk gabungan konsert, persembahan kebudayaan dan muzikal, maka bersamasamalah kita rancang dan laksanakan majlis tersebut dengan jayanya," katanya.

Mengulas lanjut, pencapaian yang diraikan adalah hasil sumbangan individu yang bertugas di belakang tabir sama ada secara personal atau berpasukan, dan buktinya beberapa hari lalu Unimas telah memperoleh status 5 Bintang dalam pengurusan data MYmohes oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta telah menduduki tempat teratas di kalangan semua universiti komprehensif seluruh negara.

"Saya juga bangga dengan pencapaian Unimas yang tersenarai di kedudukan 161-170 universiti terbaik di Asia jika dibandingkan dengan tahun lepas di kedudukan 191-200, ini juga satu pencapaian terbesar dan terbaik di kalangan semua universiti di Malaysia dengan meningkat 30 kedudukan ke atas," ujarnya.

Pada masa sama, untuk pencapaian cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan, pentadbiran serta aspek inovasi juga turut diberikan pengiktirafan secara individu dan kumpulan melalui pelbagai kategori anugerah, antaranya adalah anugerah Outstanding Online Course Award, Best Researcher Award, Anugerah Galakan Sukan dan Anugerah Inovasi Naib Canselor

Turut Hadir, Ahli Lembaga Pengarah Unimas, Datu Hajah Jabidah Monseri, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Fatimah Abang, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Peter Songan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, dan Pendaftar, Ahmad Katang.

Majlis ini juga meraikan staf-staf yang telah dan bakal bersara pada tahun 2011 dan 2012 iaitu seramai lima orang yang menerima sijil penghargaan daripada Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, manakala 170 staf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 45 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Setia.